



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

“I LITE U” PERKUKUH IMEJ KUALA LUMPUR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN BERTARAF DUNIA

KUALA LUMPUR, 3 Januari 2026 - Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada hari ini melancarkan **Projek Inovasi Pencahayaan Ke Arah Kelestarian Bandar, “I LITE U”** yang dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri di Centre Court, Pavilion Kuala Lumpur.

I LITE U yang merupakan akronim bagi **Infrastruktur, Lampu, Inovasi, Teknologi, Eko Mampuan ke arah Urbanisasi** adalah inisiatif strategik bagi **memperindah landskap bandar dan meningkatkan daya tarikan pelancongan global Kuala Lumpur** menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (VMY 2026), dengan **sasaran 28 juta ketibaan pelancong dan penjana RM76 bilion pendapatan negara**.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, infrastruktur pencahayaan moden ini bukan sahaja meningkatkan nilai estetika bandar, malah memperkukuh aspek keselamatan awam, keselesaan pejalan kaki dan merancakkan aktiviti ekonomi tempatan.

Kerajaan turut menyasarkan agar model “I LITE U” diperluaskan ke bandar-bandar utama lain seperti Ipoh, George Town, Melaka dan Johor Bahru bagi mewujudkan persekitaran bandar yang lebih mesra, selamat dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Projek anjuran bersama **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)** dengan sokongan strategik **Pavilion Kuala Lumpur, Bukit Bintang Kuala Lumpur City Centre (BBKLCC), Perbadanan PR1MA Malaysia, YTL Land dan Grab Malaysia** mencerminkan kerjasama erat sektor awam dan swasta dalam menjayakan agenda pembangunan bandar.

Dalam pada itu, pemilihan **Bukit Bintang** sebagai lokasi perintis adalah tepat kerana ia merupakan nadi pelancongan, budaya dan ekonomi Kuala Lumpur. Projek ini merangkumi **empat komponen utama** iaitu **Pintu Gerbang (Gateway Lighting)** sebagai mercu tanda ikonik, **Arca Tahun Melawat Malaysia 2026**, serta penaiktarafan lintasan pejalan kaki sedia ada dan baharu dengan pencahayaan yang lebih terang, selamat dan mesra pengguna.

I LITE U membezakan Kuala Lumpur daripada bandar global lain melalui **pencahayaan bandar yang ikonik selaras dengan SDG 11 - Sustainable Cities and Communities** dengan fokus mewujudkan bandar yang selamat, inklusif dan lestari, meningkatkan keselamatan dan keselesaan pejalan kaki serta mempermudah akses ke kawasan tumpuan pelancong pada waktu malam.

Selain memperindah bandar, projek ini menggunakan teknologi pencahayaan **cekap tenaga dan mesra alam** sekali gus menyokong agenda bandar rendah karbon. Pelancaran I LITE U turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk perarakan pakaian seragam, persembahan kebudayaan serta **Perarakan 16 Kontinjen Kuala Lumpur Bercahaya** yang melibatkan pelbagai jabatan, agensi, dan pelajar sekolah sepanjang laluan sekitar Pavilion Kuala Lumpur.

Pelancaran ini turut diserikan dengan kehadiran Duta Muhibah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Keselamatan Jalan Raya dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Michelle Yeoh, sebagai simbol sokongan tokoh global terhadap usaha Malaysia mempromosikan imej negara di pentas dunia.

Kejayaan VMY2026 bukan sahaja bergantung kepada keindahan cahaya, malah pada tahap kebersihan negara kita. Melalui peranan KPKT sebagai **Jawatankuasa Kerja Kecil Kemudahan Pelancongan, Infrastruktur, Keceriaan dan Kebersihan**, penguatkuasaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) yang bermula 1 Januari 2026 adalah satu reformasi untuk melahirkan masyarakat yang lebih prihatin terhadap alam sekitar. Dengan kerjasama semua pihak, KPKT yakin langkah proaktif ini akan memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi yang bersih, selamat, dan mesra pelancong.

Turut hadir ialah YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan); YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya; YB Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari, Menteri Belia dan Sukan dan YBhg. Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

#MalaysiaMADANI
#Hormat
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
KPKT